

## Cabaran Psikologi Media Sosial Alaf 21

**Siti Sarawati Johar<sup>1\*</sup>, Noranifitri Md Nor<sup>1</sup>, Nor Shela Saleh<sup>1</sup>, Harliana Halim<sup>1</sup>**

<sup>1</sup> Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, 86400, MALAYSIA

\*Corresponding Author: sarawati@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.02.006>

### Article Info

Received: 4 November 2023

Accepted: 7 November 2023

Available online: 30 November 2023

### Kata Kunci

Cabar, Psikologi, Media, Sosial

### Abstrak

Artikel ini membincangkan fungsi dan impak media sosial dalam masyarakat pada alaf ke 21. Pengaruh media sosial kepada negara dan masyarakat merangkumi pelbagai aspek termasuklah aspek psikologi yang mengandungi elemen emosi, mental dan tingkah laku. Pengaruh media sosial kepada masyarakat khususnya golongan muda bukan sahaja secara positif, akan tetapi turut memberikan kesan secara negatif. Sejauh mana impak media sosial secara negatif itu wujud menjadi cabaran psikologi yang perlu dititikberatkan bagi mengelakkan keadaan yang lebih bermudarat sehingga boleh mengakibatkan keruntuhan peradaban negara. Adalah seharusnya kemajuan dan pembangunan negara bukan hanya dari segi material dan teknologi, namun turut perlu mempunyai kemajuan peradaban yang berupaya mempertahankan nilai etika dan adab sebagai manusia yang berperikemanusiaan dan mempunyai nilai-nilai yang mulia.

## 1. Pendahuluan

Malaysia sebuah negara berdaulat yang telah melalui proses peradaban yang panjang sejak ratusan tahun lamanya, dalam denyut nadi kehidupan masyarakat alam nusantara yang unik. Kesinambungan proses peradaban itu disulami dengan peradaban majmuk, dan kini negara ini telah tiba di era peradaban globalisasi di akhir abad ke 20 dan abad ke 21. Dengan slogan ‘dunia tanpa sempadan’ yang merentas interaksi tempatan dan antarabangsa, serta seiring dengan kemajuan teknologi moden, masyarakat terus meneroka dan mengakses pelbagai saluran maklumat dan komunikasi secara maya dengan penggunaan data internet melalui variasi jaringan sosial, emel, blog, dan web melalui komputer, tab dan telefon pintar.

Evolusi ini berkembang dalam suatu dimensi yang dinamik dari satu zaman ke satu zaman. Ia kelihatan suatu keadaan dan suatu alat yang menarik minat semua, malah penggunaannya semakin meningkat merentas semua umur dan lapisan masyarakat (Loh Kai Xin, 2019). Impak besar media sosial semakin dirasakan kepesatannya kerana telah berjaya membuatkan masyarakat sentiasa memerlukannya (Mashitah et al., 2022). Kepelbagaiannya bentuk media sosial dalam jaringan yang meluas dan menyediakan pilihan kepada pengguna membolehkan masyarakat semakin terdedah dan mahir dengan aplikasi-aplikasi seperti Telegram, WhatsApp, Instagram, Facebook, Twitter, Tik Tok, You Tube dan lain-lain. Faedah diperolehi untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, maklumat, berita, rangkaian kenalan, perniagaan secara digital, serta perkongsian emosi mahupun kehidupan sehari-hari (Joki Perdani et al., 2020).

Ringkasnya, media sosial merupakan platform dalam talian yang digunakan sebagai alat jaringan sosial oleh masyarakat dunia masa kini, sekaligus menjadi suatu tapak rangkaian sosial untuk saling berkongsi latar belakang, minat, pandangan, aktiviti dan kehidupan sehari-hari (Julia, 2022). Interaksi dalam media sosial jelas melibatkan elemen emosi, fikiran dan tingkah laku individu. Sejauh manakah penggunaan media sosial boleh mempengaruhi pengguna ke arah positif atau negatif sehingga boleh memberikan impak secara psikologi?



## 2. Fenomena Aplikasi Media Sosial

Sehingga ke saat ini, media sosial sebagai jaringan sosial menjadi medium utama untuk manusia berinteraksi merentas sempadan dunia. Malahan dengan jumlah laman sesawang (website) yang semakin meningkat dicatatkan pada tahun 2021 telah mencapai sebanyak 1.83 bilion untuk jumlah di seluruh dunia, dengan populasi di kawasan bandar berjumlah 7.8 bilion. Segmen terpantas dan majoriti aplikasi media sosial itu adalah melalui telefon bimbit dengan jumlah sebanyak 5.15 bilion. Antara realiti kesan berlakunya kepesatan fenomena 'state of digital' seperti yang dinyatakan oleh Simon (2022a) adalah seperti berikut:

- Populasi Global: peningkatan populasi penduduk dunia kepada 8 bilion pada tahun 2023, daripada 7.91 bilion pada tahun 2022, dengan angka 57% masyarakat dunia tertumpu di bandar
- Pengguna Internet Global: penggunaan internet mencapai angka 4.95 bilion pada tahun 2022, dengan angka 62.5% penduduk dunia
- Pengguna Telefon Global: pengguna unik telah mencecah ke 67.1% dan 5.31 bilion penduduk dunia pada tahun 2022
- Pengguna Media Sosial Global: penggunaan mencapai 4.62 bilion dengan 58.4% penduduk dunia

Realiti fenomena penggunaan media sosial dalam kalangan rakyat Malaysia menunjukkan masa tiga jam sehari diluangkan dalam media sosial sehingga menyebabkan Malaysia menjadi antara 10 negara tertinggi di dunia (Mashitah, 2022). Segmen media sosial yang terbanyak penggunaannya di Malaysia pada tahun 2018 adalah Instagram yang mencecah ke 36%, melepas kadar purata peringkat dunia (Wafa Aula, 2018). Dengan jumlah 30.25 juta (91.7%) pengguna media sosial daripada populasi 32.98 juta penduduk Malaysia pada tahun 2022 (Simon, 2022b), agak jelas angka itu bukanlah suatu angka yang kecil, malahan ia menunjukkan suatu penguasaan penggunaan media sosial yang merentas pelbagai lapisan umur dan kategori masyarakat.

## 3. Sisi Cerah Media Sosial

Arus penggunaan media sosial yang semakin dominan di seluruh dunia amnya, dan Malaysia khususnya membawa kita kepada beberapa situasi. Sebagai platform atas talian yang membolehkan pengguna bebas untuk menterjemahkan rasa, fikiran dan tindakan menunjukkan ia berperanan penting dalam mempengaruhi kehidupan masyarakat (Zainab et al., 2019). Sisi cerah media sosial dilihat merangkumi elemen-elemen yang jika digunakan dengan betul berupaya untuk menjadi penyalur ilmu dan penyuluhan hidup antaranya berfungsi sebagai penyampaian ilmu pengetahuan. Pengguna boleh mengakses pelbagai ilmu yang memberikan manfaat dalam kehidupan seharian mahupun sebagai pencerahan kepada sesuatu yang dimusykilkan. Contohnya, pengguna Islam boleh merujuk kepada aturan dan panduan mengerjakan umrah, haji, hukum hakam, fardhu ain, fardhu kifayah dan maklumat berkaitan ajaran agama Islam yang dikongsikan melalui media sosial seperti Facebook dan Instagram (Zainab et al., 2019). Malahan perkongsian ilmu yang dapat diakses itu turut menjadi medium penyampaian dakwah kepada pengguna yang ingin lebih mengenali agama Islam. Pernyataan ini selaras dengan hasil kajian Mashitah et al. (2022) yang mendapati pengguna Islam sering merujuk internet untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan agama.

Keupayaan media sosial turut jelas berfungsi sebagai platform pendidikan yang boleh meningkatkan aktiviti pendidikan contohnya melalui penggunaan Whatsapp dan emel antara tenaga pengajar dengan pelajar (Zainab et al., 2019). Penggunaan aktif dalam senario pendidikan 'belajar dari rumah' semasa pandemik COVID-19 didapati turut dapat memberikan manfaat kepada pengajar dan pelajar melalui penguasaan media sosial yang lebih cekap. Sisi cerah media sosial juga dapat difahami boleh menjadi segmen mengeratkan hubungan persaudaraan dan persahabatan sebagai dimensi merentas sempadan secara maya (Zainab et al., 2019). Interaksi dan komunikasi boleh terus terjalin dalam keadaan yang seharusnya muhibbah dan saling hormat-menghormati. Aplikasi Facebook, Whatsapp dan Instagram boleh mengeratkan ukhwah sebagai suatu keperluan prososial jika ia digunakan dengan cara yang berhemah.

Fungsi media sosial juga berupaya menjadi platform untuk pendigitalan ekonomi melalui aktiviti perniagaan yang dibenarkan dan tidak melanggar undang-undang. Perniagaan secara digital ini membuktikan berlakunya transformasi pengurusan ekonomi serta gaya kehidupan masyarakat (Mashitah et al., 2022). Khususnya semasa era pandemik COVID-19 mahupun selepas pandemik, dominasi jual beli melalui pelbagai aplikasi seperti Tik Tok, Facebook, Instagram, Shopee dan Lazada sangat bersemarak. Hal ini kerana didapati lebih memudahkan pengguna, mengurangkan interaksi fizikal, cepat, dan menjimatkan kos pergerakan pengguna. Pemasaran yang meluas daripada peniaga menggunakan pelbagai platform aplikasi turut sebenarnya menggalakkan masyarakat untuk menambah sumber pendapatan dan membaiki taraf kehidupan melalui kaedah pendigitalan perniagaan (Zainab et al., 2019).

## 4. Sisi Gelap Media Sosial

Dalam kita memahami fungsi positif media sosial masa kini, namun di sebalik itu terdapat juga sisi gelap media sosial yang perlu kita gusarkan jika ia tidak dikendalikan dengan baik. Apatah pula penggunaan internet yang berlebihan setiap hari dan mengadap media sosial saban waktu telah memperlihatkan masyarakat seolah-olah

telah semakin 'ketagihan' media sosial, khususnya golongan remaja dan belia (Loh Kai Xin, 2019). Ini selari dengan hasil kajian Wan Norina et al. (2013) bilamana didapati remaja sekolah ketagihan mengakses internet dan media sosial dengan tujuan bersantai, dengan penggunaan lebih daripada tiga jam sehari. Kesannya remaja dan belia hilang fokus pada tanggungjawab dan tuntutan kehidupan seharian, sehingga turut mendedahkan mereka kepada pelbagai unsur negatif dan penipuan dalam media sosial.

Penyalahgunaan penggunaan media sosial menunjukkan wujud unsur jenayah dan scam. Pendedahan yang berlebihan tentang profile dan maklumat diri oleh pengguna media sosial telah diambil kesempatan oleh pihak yang berniat melakukan jenayah seperti penipuan, penyamaran dan pengubahan maklumat. Dilaporkan seramai 1065 orang guru telah terjebak menjadi mangsa *online* scam pada tahun 2022, dengan kerugian sebanyak RM31,684,149.00 (Majlis Keselamatan Negara, 2023). Didapati juga purata jumlah guru sebagai penjawat awam yang menjadi mangsa scam pada tahun 2022 adalah seramai tiga orang dalam sehari. Sindiket penipuan yang dikenali sebagai Macau Scam, Scam Cinta, Scam Kerja, Scam Pinjaman *Online* dan Scam Parcel itu memang bergerak aktif dalam talian, khususnya melalui media-media sosial.

Penyebaran berita palsu dan fitnah antara sisi gelap media sosial sehingga boleh mengakibatkan tekanan dan masalah kepada pihak yang menjadi mangsa. Tindakan pengguna media sosial yang menyebarkan dan berkongsi maklumat yang mengaibkan individu lain mendatangkan kemudaratan yang meluas (Julia, 2022). Elemen-elemen penipuan dan bersifat perkauman juga sangat merbahaya kerana ia boleh menjelaskan maruah individu dan bangsa dalam negara yang majmuk. Akibatnya masyarakat akan menjadi sangat beremosi dalam berkata-kata, berfikir dan bertindak. Tindakan di luar kawalan akan berlaku sehingga akan merosakkan segmen permuafakatan dalam negara ini.

Tidak dinafikan pelbagai implikasi sisi gelap media sosial memberikan kesan kepada golongan muda dan tua di negara ini. Wujud unsur-unsur buli siber, kecaman, dan ayat-ayat provokasi melampau sehingga mempengaruhi tingkah laku agresif pengguna sehingga ke peringkat kekasaran fizikal (Loh Kai Xin, 2019). Malahan penggunaan media sosial yang tidak berhemah dan tidak terkawal juga boleh mencetuskan emosi negatif, ekoran wujud konflik dan pertentangan antara pengguna media sosial dengan ayat-ayat kesat dan ancaman (Joki Perdani et al., 2020). Pengguna media sosial khususnya golongan muda sangat mudah terpengaruh dengan elemen negatif dalam media sosial sehingga cenderung untuk mengadaptasi pula kepada pihak lain (Tasnim et al., 2019).

Pendedahan berterusan dalam keadaan media sosial yang negatif itu juga boleh memberikan kesan buruk kepada perkembangan emosi pengguna sehingga mendedahkan diri mereka kepada masalah stres dan kemurungan, sehingga sampai ke peringkat menamatkan riwayat sendiri. Kesannya juga pengguna akan menjadi lebih antisosial serta rendah diri dan hilang keyakinan dalam menghadapi kehidupan seharian. Agak jelas, individu yang terdedah kepada media digital dan internet dalam jangka masa yang panjang, boleh mempengaruhi mereka secara negatif dalam aspek bersosial, berinteraksi, berfikir dan berkelakuan bilamana wujudnya pengabaian dan penekanan pada soal etika dan nilai sejagat (Tapscott, 2009).

## 5. Impak Media Sosial ke atas Psikologi

Berdasarkan beberapa fakta dan kejadian yang berlaku dalam negara mahupun luar negara, ternyata media sosial turut mempunyai impak yang bermudarat, jika tidak digunakan dengan betul dan berhemah kepada aspek psikologi merangkumi emosi dan fikiran serta tingkah laku. Cabaran itu juga jika tidak diperhalusi dan tidak difahami secara bersama akan mengakibatkan ia menjadi lebih kronik yang meresap dalam kehidupan masyarakat masa kini khususnya golongan muda. Ketidakseimbangan antara emosi, fikiran dan tingkah laku menyebabkan generasi muda mudah goyah dan seperti agak sukar untuk mempertahankan jati diri yang kental.

Kejadian yang pernah berlaku beberapa tahun yang lepas iaitu pada 12 Julai 2015 memaparkan tercetusnya satu insiden kecil pada asalnya, namun telah berubah menjadi isu krisis perkauman berpunca daripada sebaran dan persepsi negatif melalui media sosial (Ibrahim, 2015). Sentimen perkauman dimainkan hanya kerana andaian-andaian liar bertebaran dalam media sosial sehingga berlanjutan menjadi pergaduhan antara kaum. Hal ini boleh menjelaskan keharmonian dalam masyarakat majmuk di negara ini.

Kejadian pergaduhan di sebuah restoran di Jalan Pandan Indah pada 31 Julai 2023 lalu juga menjadi antara bukti nyata media sosial boleh menjadi antara penyebab hilangnya kawalan dan kewarasan diri (Raja Noraina, 2023). Pergaduhan antara dua kumpulan lelaki bermototsikal dilaporkan berpunca daripada tidak puas hati dengan sindiran di media sosial. Hal ini jika tidak dikekang dikhuatiri akan berkesinambungan dengan aksi-aksi pertumpahan darah yang membahayakan pihak-pihak terlibat. Tingkah laku agresif dan buli yang berpunca daripada tingkah laku yang dipaparkan dalam media sosial hanya akan memudarati banyak pihak (Loh Kai Xin, 2019).

Sejauh mana pula media sosial menjadi alat yang menambah tekanan dan masalah kesihatan mental kepada pengguna bilamana terdapat beberapa kejadian bunuh diri yang turut berpunca daripada media sosial? Bukti kejadian pada 13 Mei 2019 di MJC Batu Kawa antaranya sangat jelas berkait rapat dengan pengaruh media sosial terhadap hasrat dan niat pengguna untuk membunuh diri, apabila undian untuk membunuh diri disokong sebanyak 69% oleh pengikut di Instagram (Rudi Affendi, 2019). Warga maya yang menyokong undian untuk

'Die' (D) itu tidak sensitif dan tidak mahu berfikir jauh ke hadapan ke atas elemen-elemen psikologi, daya tahan emosi dan fikiran mangsa (Muhd Amirul, 2019).

Kematian seorang wanita pada 07 Ogos 2022 setelah membunuh diri di rumahnya di Subang Jaya, turut dengan jelas menunjukkan hubung kait media sosial dalam kisah pengakhiran hidupnya yang tragis (Malaysiakini, 2022). Mangsa menerima komen-komen berunsur kebencian dan provokasi melampau secara bertubi-tubi dalam akaun Tik Tok. Mangsa juga didapati pernah mengalami tekanan perasaan dan mendapat rawatan di klinik. Dengan keadaan itu, mangsa berkemungkinan tidak berupaya untuk menangkis komen-komen negatif sehingga meningkatkan tahap tekanan dalam dirinya.

Ringkasnya, amalan berkongsi perasaan dan pendedahan kehidupan sehari-hari dalam media sosial sebenarnya turut menyumbang kepada cabaran dan impak media sosial (Erda Khursyiah, 2023). Sama ada ia akan mengundang maklum balas yang positif atau negatif daripada pengikut mahupun warga maya, maka ia juga bergantung sejauh mana tahap penerimaan dan ketahanan pengguna dalam mengendalikan emosi semasa menggunakan media sosial.

Tidak dinafikan, media sosial dilihat menjadi keutamaan dalam masyarakat khususnya golongan belia. Tahap kebergantungan itu didapati merangkumi aspek-aspek emosi, fikiran dan tingkah laku. Media sosial turut menjadi segmen utama yang akan dilihat di muka skrin telefon pintar mahupun komputer setiap pagi sehingga malam. Pengguna berkongsi emosi dalam setiap detik yang mereka lalui (Rozanizam, 2019). Pengguna juga dilihat lebih percaya pada kebanyakan yang dikongsikan dalam media sosial. Keberanian untuk berkongsi emosi dan kehidupan itu mengubah sesetengah individu yang introvert menjadi begitu ramah dan terbuka dalam dunia maya. Kecenderungan untuk memaparkan yang terbaik dan ideal tanpa disedari mengundang pelbagai rasa dalam kalangan warga maya lain. Keadaan itu menuntut daya tahan yang tinggi dalam mengawalselia dan menguruskan emosi apabila berhadapan dengan kepelbagai rasa yang wujud sepanjang mengakses media sosial, bagi mengelakkan berlaku kemurungan dan tekanan (Joki Perdani et al., 2020).

Hidup masa kini amat terkesan dengan pelbagai bentuk emosi dari media sosial. Berlakunya penularan emosi yang meluas sehingga tanpa kita sedar media sosial sangat mempengaruhi emosi dan psikologi masyarakat (Rozanizam, 2019). Namun begitu, ia bukan sahaja bersifat positif kerana terdapat juga pelbagai unsur negatif yang boleh mencetuskan gelombang yang mencemaskan seperti keberanian untuk berkata-kata hal-hal yang sensitif dan melanggar nilai sejagat, penghinaan merentas kepercayaan dan budaya, mencipta persepsi buruk terhadap kepimpinan negara dan terlalu teruja untuk memberikan ulasan serta pandangan tanpa batasan.

Sifat impulsif dalam media sosial adakalanya seperti terlalu 'kejam' kerana melupuskan rasa kemanusiaan apabila terdapat pengguna media sosial tergamac untuk menjatuhkan nama baik dan maruah pihak lain sesuka hati. Malahan begitu rakus untuk melihat pihak itu jatuh tersungkur, menderita dan hidup dalam kepayahan, tanpa berfikir jauh ke hadapan risiko mengalami tekanan perasaan dan masalah mental yang kronik mahupun sehingga ke peringkat membunuh diri. Scenario ketagihan, kemurungan, dan tindak-tanduk kompulsif media sosial seharusnya difahami tentang beratnya risiko kepada masyarakat jika tidak diakses dengan nilai dan adab (Aiken, 2016).

Kedapatan cara pengguna media sosial berfikir, berasa dan bertindak mungkin akan sama dengan cara di alam nyata, dan hal ini boleh mencetuskan masalah (Ahmad Nabil, 2019). Berbicara dalam alam maya kelihatannya segalanya akan jadi seperti sangat ideal dan adakalanya bersifat sarkastik. Namun realitinya ia tidak semudah yang diperkatakan, bilamana segalanya seperti hanya untuk membuat emosi dan keasyikan pengguna melayari media sosial. Berkongsi segala rasa dan peribadi di media sosial juga mungkin bukan jalan yang terbaik, apabila ia akhirnya berakhir dengan tragis. Penyelesaian secara maya adakalanya tidak dapat berfungsi secara efisien kerana kelegaan untuk mendapatkan khidmat dan konsultasi menyelesaikan masalah hidup yang rumit memerlukan individu yang pakar dan nyata. Begitu juga persahabatan secara nyata dan secara maya yang pasti mempunyai perbezaan dari segi makna, nilai dan estim kendiri pengguna media sosial (Ahmad Nabil, 2019).

## 6. Aplikasi Media Sosial Berhemah dan Berhikmah

Implikasi yang besar wujud daripada penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat merangkumi unsur positif dan negatif. Implikasi positif dapat memberikan manfaat yang berpanjangan, serta menjadi keperluan sebagai panduan dan penghibur kehidupan manusia. Akan tetapi implikasi negatif bukan hanya memberikan kesan yang memudaratkan secara senyap, namun turut memberikan kesan psikologi yang berat sehingga mempengaruhi emosi, minda dan tingkah laku manusia (Joki Perdani, 2020). Keperluan untuk mengaplikasikan dan mengadaptasi media sosial secara lebih berhemah dan beradab dapat membantu mengelakkan daripada dominasi implikasi negatif media sosial (Fitri, 2023). Antara kaedahnya adalah seperti berikut:

- Mengubah amalan prososial atau tabiat pergaulan di alam siber kepada prososial di alam nyata
- Pengguna Memberikan perhatian kepada persekitaran dan mengurangkan penggunaan gajet dengan berinteraksi dengan orang lain
- Mengalihkan perhatian untuk mengisi masa dengan perkara yang lebih berguna supaya tidak

- menghabiskan masa berjam-jam mengakses media sosial
- Menetapkan had masa maksimum untuk penggunaan telefon pintar bagi mengurangkan kesan ketagihan internet dan media sosial
  - Pantauan berterusan ahli keluarga dalam penggunaan media sosial anak-anak

## 7. Rumusan

Negara perlu terus membangun dan melangsungkan ketamadunan, namun pembangunan dan kemajuan dalam peradaban yang tinggi itu perlu selari dengan pembangunan insaniah. Masyarakat tidak boleh dibiarkan menjadi entiti yang berjiwa mati, berminda kosong serta bertingkah laku agresif kesan negatif media sosial, sehingga boleh merosakkan fitrah dan psikologi insan. Kemudaratian kebergantungan yang berlebihan terhadap media sosial akan menjadi detik-detik menyediakan bilamana seluruh negara dan rakyat berisiko melalui fasa keruntuhan akhlak dan peradaban. Dalam arus globalisasi ini, ternyata generasi muda perlu dipandu arah dan dipimpin mencapai hidup yang sejahtera dan mulia (Tasnim, 2019). Kesesuaian adab dan etika itu terbentuk bermula seawalnya dari pimpinan ibu dan bapa dalam keluarga. Kawalan dalam penggunaan media sosial tidak seharusnya dilepas bebas kerana 'anak-anak adalah pemerhati yang aktif, namun mereka juga adalah penilai yang pasif'. Maka kerana itu didikan yang berhikmah dan berhemah sangat-sangat ditekankan dalam mengendalikan fenomena arus teknologi moden dalam kalangan masyarakat.

Cabarannya dalam penggunaan media sosial perlu diangkat sebagai suatu yang mesti diberikan perhatian semua. Penekanan pada nilai-nilai etika dan adab dalam media sosial perlu diperluaskan di semua peringkat pendidikan agar masyarakat peka dan sedar fungsi media sosial seharusnya memberikan manfaat, bukannya kemudaratian. Berpaksikan kepada Rukun Negara, seharusnya juga masyarakat memahami dan mengamalkan apakah resepi dan disiplin diri semasa mengakses media sosial, bagi mencapai kehidupan sejahtera dan harmonis dalam peradaban majmuk di negara ini.

## Penghargaan

Ribuan terima kasih dan penghargaan diberikan kepada sekretariat jurnal dan Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang penerbitan artikel ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan penulis untuk penghasilan bersama ini.

## Konflik Kepentingan

Tiada sebarang konflik kepentingan dalam kertas kerja ini.

## Penglibatan Penulis

*Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas kerja seperti berikut: **pendahuluan dan fenomena aplikasi media sosial**: Siti Sarawati Johar; **sisi cerah media sosial**: Noranifitri Md Nor; **sisi gelap media sosial**: Nor Shela Saleh; **impak media sosial ke atas psikologi**: Siti Sarawati Johar. **Aplikasi media sosial berhemah dan berhikmah, dan rumusan**: Harliana Halim. Semua pengarang menyemak hasil penulisan dan meluluskan versi akhir manuskrip.*

## Rujukan

- [1] Ahmad Nabil Md Rosli (Mac 25, 2019). Media sosial dan kesihatan mental remaja. <https://www.mmgazette.com/media-sosial-dan-kesihatan-mental-remaja-dr-ahmad-nabil-md-rosli/>
- [2] Aiken, M. (2016) "The cyber effect: A Pioneering cyberpsychologist explains how human behavior changes online." Spiegel & Grau, New York, US. Retrieved June 19, 2017.
- [3] Asliza Musa (Jun 20, 2023). Scammer dikesan guna taktik baharu perdaya mangsa. <https://www.kosmo.com.my/2023/06/20/scammer-dikesan-guna-taktik-baharu-perdaya-mangsa/>
- [4] Bernama (Februari 28, 2023). Masalah kesihatan mental bertambah teruk kerana media sosial. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/masalah-kesihatan-mental-bertambah-teruk-kerana-media-sosial-422364>
- [5] Erda Khursyiah Basir (Februari 28, 2023). Luah perasaan di media sosial, cerita kebenaran atau buka aib? <https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=2168442>
- [6] Fitri Febri (2023). 13 Dampak Psikologis Media Sosial dan Penangannya. (<https://dosenpsikologi.com/dampak-psikologis-media-sosial>)
- [7] Ibrahim Yahaya (Julai 19, 2015). Media sosial hangatkan unsur perkauman. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/07/19/media-sosial-tiger>
- [8] Joki Perdani Sawai, Rezki Perdani Sawai, Abdul Rashid Aziz@Dorashid, Mohd Faizal Kasmani (2020). Kepentingan Regulasi Emosi dalam Penggunaan Media Sosial bagi Remaja Generasi Z. e-PROCEEDING ICOSAH 2020. P.376-380 <https://doi.org/10.1037/0022-3514.85.2.348>

- [9] Julia Juanis (2022). Impak Media Sosial dalam kalangan Remaja. Kajian Kes: Pelajar Sekolah Menengah. [Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, UMS].
- [10] Loh Kai Xin (2019). Hubungan antara Media Sosial dengan Tingkah Laku Agresif dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Swasta. Tanjung Malim: UPSI. [Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan, UPSI].
- [11] Majlis Keselamatan Negara (Mac 28, 2023). 1065 guru jadi mangsa scammer. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2023/03/28/1065-guru-jadi-mangsa-scammer/>
- [12] Malaysiakini (Ogos 9, 2022). Wanita mati lepas dihambur komen kebencian di Tik Tok. <https://www.malaysiakini.com/news/631288>
- [13] Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad, Anita Ismail & Suhailiza Md Hamdani (2022). Pembangunan Media Sosial Baharu dan Impaknya Terhadap Dakwah Era Digital di Malaysia. Prosiding Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami: Melestari Turath, Memartabat Falsafah Memacu Peradaban. Anjuran Pusat Pengajian Teras, USIM, P.638-672.
- [14] Muhd Amirul Faiz Ahmad (Mei 16, 2019). Tekanan media sosial punca remaja bunuh diri. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/05/564468/tekanan-media-sosial-punca-remaja-bunuh-diri>
- [15] Raja Noraina Raja Rahim (Ogos 2, 2023). Sindir di media sosial berakhir dengan gaduh? <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/994591/sindir-di-media-sosial-berakhir-dengan-gaduh>
- [16] Rozanizam Zakaria (2022). Jangan kendali tekanan emosi di media sosial. <https://www.imedik.org/jangan-kendali-tekanan-emosi-di-media-sosial/>
- [17] Rudi Affendi Khalik (Mei 14, 2019). Remaja bunuh diri selepas dapat 69% undian Instagram. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-bunuh-diri-selepas-dapat-69-peratus-undian-instagram-207649>
- [18] Selviana (2016). Media Sosial dalam Perspektif Psikologi. Vol.2, No.11, Jun 2016. [Arsip Artikel \(k-pin.org\)](#).
- [19] Simon Kemp. (26 January 2022a). Digital 2022 Global Overview Report. The Global State, Hootsuite. Dicapai pada 10 Jun 2022. [https://datareportal.com/reports/digital-2022-global-overview-report?utm\\_source=DataReportal&utm\\_medium=Country\\_Article\\_Hyperlink&utm\\_campaign=Digital\\_2022\\_&utm\\_term=Malaysia&utm\\_content=Global\\_Promo\\_Block](https://datareportal.com/reports/digital-2022-global-overview-report?utm_source=DataReportal&utm_medium=Country_Article_Hyperlink&utm_campaign=Digital_2022_&utm_term=Malaysia&utm_content=Global_Promo_Block)
- [20] Simon Kemp. (15 Februari 2022b). Digital 2022: Malaysia. Data Reportal. Dicapai pada 9 Jun 2022, melalui pautan <https://datareportal.com/reports/digital-2022-malaysia>
- [21] Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia. (29 Disember 2020). Internet User Survey 2020. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020-Infographic.pdf>
- [22] Tapscott, D. (2009). Grown up Digital: How the Net Generation Is Changing the World. New York: McGraw Hill
- [23] Tasnim Rosli, Yogenathan Muniandy, Kamarul Azmi Jasmi (2019). Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam. Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, P.115-130.
- [24] Wafa Aula. (Mac 7, 2018). Luang 3 jam sehari, Malaysia antara pengguna media sosial tertinggi di dunia. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/luang-3-jam-sehari-malaysia-antara-pengguna-media-sosial-tertinggi-di-dunia-169861>
- [25] Zainab Zakirah Abdul Halim, Dania Salsabila Azmi & Nurazmallail Marni (2019). Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam. Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, P. 001-016.